

SULIT
1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Okt
2 Jam

Nama Pelajar : _____

Tingkatan : _____

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1
Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** mengandungi 40 soalan.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab tiga soalan: **Soalan 1**, **Soalan 2 wajib** dan mana- mana **satu** soalan berikutnya.*

Bahagian A

[40 markah]

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap- tiap soalan diikuti oleh empat jawapan **A, B, C dan D. Hitamkan jawapan pada ruangan jawapan yang disediakan.**

Mengambil hak orang lain secara kekerasan yang disimpan di tempat simpanan tanpa izin.

1 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A** Menyamun
- B** Merompak
- C** Merampas
- D** Mencuri

2 Muzdalifah ialah tempat yang terletak antara Arafah dan Mina

Jemaah haji perlu berada di Mudzalifah pada

- A** Sebelum malam ke 10 Zulhijah
- B** Selepas separuh malam ke 9 Zulhijah
- C** Sebelum separuh malam ke 9 Zulhijah
- D** Selepas separuh malam ke 10 Zulhijah

3 Nazma telah memotong rambutnya ketika dalam ihram haji. Apakah implikasi perbuatan tersebut terhadap hajinya?

- A** Hajinya sah tetapi wajib membayar dam
- B** Hajinya sah dan tidak wajib membayar dam
- C** Hajinya tidak sah tetapi wajib membayar dam
- D** Hajinya tidak sah dan tidak wajib membayar dam

4 Di antara perkara- perkara yang membatalkan syarikat ialah

- I** salah seorang rakan kongsi sakit tenat
 - II** hilang kelayakan seperti gila yang berterusan
 - III** syarikat dibatalkan oleh salah seorang rakan kongsi
 - IV** salah seorang rakan kongsi berhijrah ke luar negara
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

5 Siapakah panglima tentera Islam pada zaman Khalifah Abu Bakar al-

Siddiq yang berjaya mengalahkan Hurmuz pembesar Parsi di Iraq?

- A Khalid bin al- Walid
- B Sarhabil bin Hasanah
- C Muhammad bin al- Qasim
- D Abu Ubaidah bin al- Jarrah

6 Tujuan utama menitikberatkan aspek penjagaan fizikal pesakit ialah untuk memastikan pesakit

- A cepat sembuh
- B sentiasa bersabar
- C tidak meninggalkan solat
- D sentiasa mengingati allah swt

7 Beliau telah dapat menghapuskan golongan murtad dan enggan membayar zakat.

Siapakah khalifah yang dimaksudkan oleh kenyataan di atas?


- A Abu Bakar al- Siddiq
- B Umar bin al- Khattab
- C Uthman bin Affan
- D Ali bin Abi Talib

8 Di antara jasa dan sumbangan Umar bin al- Khattab r.a semasa menjadi khalifah ialah

- A Mengarahkan mengumpul tulisan al- Quran
- B Menyumbangkan harta dan kekayaan untuk pertahanan negara
- C Membebaskan negeri- negeri di bawah pengaruh Rom dan Parsi
- D Menubuhkan beberapa jabatan untuk melicinkan pentadbiran negara

9 Al- Ghanimah ialah

- A cukai tanah ke atas pemilik bukan Islam dalam negara Islam
- B cukai yang dikenakan kepada kafir zimmi dalam negara Islam
- C harta rampasan daripada orang kafir harbi bukan melalui peperangan
- D harta yang diperolehi daripada orang bukan Islam melalui peperangan



- 10 Tanda X di atas merujuk kepada
- A Usyur
 - B Ijarah
 - C Takaful
 - D Syarikah
- 11 Aspek emosi pesakit yang perlu diberi perhatian oleh orang yang menjaganya ialah
- I Menggunakan tutur kata yang lembut
 - II Memastikan pesakit bersih tubuh badan
 - III Memahami keperitannya menanggung kesakitan
 - IV Mengingatkan pesakit supaya menunaikan solat lima waktu
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 12
- Menukarkan pegawai-pegawai berketurunan Umayyah yang dilantik oleh khalifah sebelumnya.
- Pernyataan di atas ialah polisi khalifah
- A Abu Bakar As- Siddiq radiallahuanhu
 - B Umar al- Khattab radiallahuanhu
 - C Uthman bin Affan radiallahuanhu
 - D Ali bin Abi Talib radiallahuanhu
- 13 Hukum beradab dengan Rasulullah SAW ke atas setiap umat Islam ialah
- A wajib
 - B harus
 - C sunat
 - D sunat muaakad

Aktiviti lasak yang melibatkan ketahanan fizikal dan mental seperti bersukan, mendaki bukit dan berenang

14 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A rekreasi aktif
- B rekreasi pasif
- C rekreasi positif
- D rekreasi mental

15

- ▶ Menghasilkan kitab Fiqh al- Akbar dan Al- Faraid
- ▶ Berketurunan Parsi
- ▶ Suka memakai wangi- wangian dan kemas pakaiannya

Siapakah tokoh yang dimaksudkan?

- A Imam Malik
- B Imam al- Ghazali
- C Imam Abu Hanifah
- D Imam Ahmad bin Hanbal

16 Berikut adalah cara umat Islam menghormati Rasulullah SAW **kecuali**

- A Menghafaz semua hadis
- B Bersopan ketika hadis dibacakan
- C Menghormati dan mencintai sahabat Baginda SAW
- D Berselawat kepada Nabi SAW dan keluarga Baginda SAW

17 Hukum menziarahi jenazah muslim ialah

- A Sunat muakkad
- B Fardu kifayah
- C Fardu ain
- D Wajib


18 Gelaran al- Syafii kepada Imam Muhammad bin Idris rahimahullah adalah sempena nama

- A anaknya
- B datuknya
- C tempat kelahirannya
- D gurunya yang masyhur

19 *Ihya Ulumuddin* dan *Tahafut al- Falasifah* ialah karya

- A Imam Malik rahimahullah
- B Imam Bukhari radiallahuanhu
- C Imam al- Ghazali rahimahullah
- D Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah

20 Berdasarkan carta di bawah, pernyataan yang manakah **tidak benar** mengenai Imam Malik rahimahullah ?



Soalan 21 hingga Soalan 40


Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

- 21 Perbuatan menipu, khianat, mungkir janji dan pertengkaran melampaui batas ialah sifat orang _____.
- 22 Sihir ialah ilmu yang menggunakan perantaraan _____ bertujuan memudaratkan manusia.
- 23 Riba _____ ialah pertambahan yang diperolehi kerana menangguhkan tempoh bayaran.
- 24 _____ ialah sempadan tempat bagi jemaah haji memulakan ihram.

Kesalahan- kesalahan semasa mengerjakan haji
Ⓐ Tidak wukuf di Arafah Ⓑ Tidak melakukan perkara wajib haji Ⓒ Tidak melakukan tawaf widak

25. Jenis dam bagi kesalahan- kesalahan di atas ialah _____.
26. _____ merupakan satu perjanjian untuk memiliki manfaat atau faedah dari sesuatu barang yang diterima daripada orang lain dengan perjanjian yang telah ditetapkan.

Soalan 27 dan Soalan 28 berdasarkan carta di bawah.
Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



- 29 Golongan _____ akan bersama- sama dengan orang Islam ketika berada dalam kekuatan tetapi menjadi musuh apabila orang Islam lemah.

- 30 Khalifah Umar bin al- Khattab telah mengemaskini pengurusan Baitul Mal dengan menubuhkan jabatan _____.
- 31 Imam al- Ghazali digelar _____ kerana kecekapan, kemasyuran dan kehebatannya membela agama Islam.
- 32 Mauizah Hasanah bermaksud _____ tentang pembalasan Allah SWT.
- 33 Cara mengasihi Rasulullah SAW melalui lisan ialah dengan _____.
- 34 _____ ialah menziarahi Baitullah al- Haram kerana mengerjakan ibadah tertentu pada bila- bila masa mengikut syarat- syaratnya.
- 35
- ⊖ Menyembelih binatang ternakan seperti lembu
 - ⊖ Dilakukan pada Aidiladha dan hari tasyrik
 - ⊖ Tujuan beribadat kepada Allah SWT
- Pernyataan di atas merujuk kepada ibadah _____.
- 36 Hukum melaksanakan *Amar Makruf* dan *Nahi Mungkar* ialah _____.
- 37 Fasik ialah orang yang tidak taat kepada Allah SWT dan rasul- Nya dengan melakukan dosa besar atau berterusan melakukan _____.
- 38 *Mengingati Allah SWT dengan hati, lisan dan perbuatan.*
Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.
- 39 Imam Abu Hanifah rahimahullah ialah ulama pertama yang menyusun kitab- kitab dalam bidang _____ mengikut bab dan fasal dengan baik dan tersusun.
40. Islam telah menentukan adab- adab berzikir kepada Allah SWT. Antara adab tersebut ialah tubuh badan kita hendaklah sentiasa _____.

No. KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

							-				-					
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	---	--	--	--	--	--

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ARAHAN : Hitamkan jawapan yang betul.

Nama : _____

Tingkatan : _____

1	A	B	C	D		21	
2	A	B	C	D		22	
3	A	B	C	D		23	
4	A	B	C	D		24	
5	A	B	C	D		25	
6	A	B	C	D		26	
7	A	B	C	D		27	
8	A	B	C	D		28	
9	A	B	C	D		29	
10	A	B	C	D		30	
11	A	B	C	D		31	
12	A	B	C	D		32	
13	A	B	C	D		33	
14	A	B	C	D		34	
15	A	B	C	D		35	
16	A	B	C	D		36	
17	A	B	C	D		37	
18	A	B	C	D		38	
19	A	B	C	D		39	
20	A	B	C	D		40	
JUMLAH						JUMLAH	
JUMLAH KESULURUHAN							

Bahagian B

[60 Markah]

Jawab **tiga** soalan: Soalan 1, **Soalan 2** dan mana- mana **satu** soalan berikut.

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud khurafat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab khurafat masih berlaku dalam masyarakat. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua kesan khurafat terhadap individu dan masyarakat. [4 markah]
- (b) Riba merupakan perkara yang haram dan berdosa besar di sisi Islam.
- (i) Senaraikan dua jenis riba. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua cara untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan amalan riba. [4 markah]
- (c) Orang yang berdosa kerana melakukan kejahatan diwajibkan bertaubat.
- (i) Nyatakan empat syarat taubat yang diterima oleh Allah SWT. [4 markah]
- (ii) Jelaskan hikmah bertaubat. [2 markah]
- 2 (a) Ibadah korban dilakukan untuk menghayati pengorbanan Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s
- (i) Bilakah umat Islam disunatkan melakukan ibadah korban? [2 markah]
- (ii) Cadangkan dua cara menggalakkan masyarakat Islam melakukan ibadah korban. [4 markah]
- (iii) Jelaskan perbezaan antara korban dan akikah. [2 markah]
- (iv) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut : [4 markah]
- (a) Encik Azzim telah menyembelih seekor kambing ketika berhram haji.
- (b) Encik Syahiran menyembelih seekor ayam tanpa

membaca basmalah.

- (b) (i) Namakan dua jamrah dalam ibadat haji. [2 markah]
- (ii) Bilakah jemaah haji dikehendaki melontar jamrah? [2 markah]
- (iii) Nyatakan empat perkara yang dilarang ketika ihram haji. [4 markah]
- 3 (a) Pemerintahan kerajaan Umayyah adalah kesinambungan daripada kerajaan yang dipimpin Khulafa ar- Rasyidin .
- (i) Terangkan kronologi yang membawa kepada penubuhan kerajaan Umayyah. [4 markah]
- (ii) Nyatakan dua contoh pemerintah kerajaan Umayyah yang mempunyai kedudukan sebagai ulama'. [2 markah]
- (iii) Jelaskan dua sumbangan Muawiyyah dalam bidang ketenteraan. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan dua perbuatan yang dianggap tidak beradab kepada Rasulullah SAW? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua kerugian orang yang mengabaikan adab-adab terhadap Rasulullah SAW. [4 markah]
- (iii) Bagaimanakah cara anda dapat membuktikan cinta anda kepada Junjungan Besar Muhammad SAW? [4 markah]
- ⊖ Imam Ahmad Ahmad bin Hanbal rahimahullah

⊖ Imam Syafei rahimahullah
- 4 (a) Pilih satu tokoh di atas dan jawab soalan berikut.
- (i) Tulis secara ringkas riwayat hidup beliau. [4 markah]
- (ii) Terangkan dua bukti kegigihan beliau menuntut ilmu. [4 markah]
- (b) Menziarahi jenazah adalah sebahagian daripada tuntutan syarak

- (i) Nyatakan empat adab yang patut diamalkan ketika menziarahi jenazah. [4 markah]
- (ii) Terangkan dua hikmat dituntut menziarahi jenazah. [4 markah]
- (c) Islam telah menggariskan beberapa adab ketika menjaga orang sakit.
 - (i) Nyatakan dua perkara yang perlu anda lakukan untuk menguatkan kerohanian atau sprituilnya ketika sakit. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan hikmah beradab ketika menjaga orang sakit. [2 markah]